




PARLIMEN MALAYSIA



**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUABELAS
2008**

**JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB
LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA
KEMENTERIAN**

HARI RABU: 26 NOVEMBER 2008

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 11 HINGGA 32)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 10
[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HENRY SUM AGONG
[LAWAS]
TARIKH : 26 NOVEMBER 2008
SOALAN :**

Tuan Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah kos bagi projek hospital daerah Lawas yang baru, siapakah kontraktor yang bertanggungjawab dan bilakah ianya dijangka siap.

Tuan Yang di-Pertua,

Kos bagi Projek Hospital Baru Lawas adalah dalam lingkungan RM50 juta. Memandangkan peruntukan yang agak terhad dan tapak Hospital Lawas yang dikenalpasti memerlukan tambahan RM30 juta untuk menstabilkan tanah, maka projek ini terpaksa ditangguhkan kepada RMK-10.

No. Soalan : ~~11~~ 12

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI TAIB AZAMUDDIN BIN MD TAIB
TARIKH : 26 NOVEMBER 2008

SOALAN:

Tuan Haji Talb Azamuddin Bin Md Talb [Baling] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah sebabnya Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di luar bandar tidak berkembang berbanding dengan IKS di negeri jiran seperti Thailand.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) sentiasa bertanggungjawab dan berusaha untuk membantu IKS-IKS Bumiputera terutamanya di kawasan luar bandar. Ke arah itu, pelbagai program pembangunan dilaksanakan oleh Kementerian seperti latihan keusahawanan dan pembangunan modal insan, peluang-peluang perniagaan, khidmat sokongan dan bantuan, pembiayaan serta pembangunan koperasi dalam usaha memastikan hasrat negara untuk menyusun semula masyarakat dan mengagih kekayaan supaya lebih seimbang.

Walaupun bagaimanapun, Kementerian sedar peningkatan IKS masih kecil jika ingin dibandingkan dengan negeri jiran seperti Thailand disebabkan oleh faktor-faktor seperti berikut:

- i. kebergantungan berlebihan usahawan IKS terhadap Kerajaan;
- ii. kelemahan usahawan IKS terutamanya Bumiputera dalam menguasai rantai nilai;
- iii. kekangan dari segi pengalaman yang diperlukan untuk kekal dalam perniagaan;
- iv. penglibatan yang tidak aktif usahawan IKS dalam pasaran dan cenderung menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan walaupun mempunyai daya saing yang tinggi;
- v. kekurangan daya saing dalam persekitaran ekonomi semasa yang lebih liberal dan global;
- vi. pembukaan pasaran ekonomi baru di luar dari Malaysia yang lebih kondusif dan kos yang efektif seperti penawaran tenaga kerja yang lebih murah dan berkebolehan tinggi seperti di China, India dan Vietnam; dan
- vii. isu pelaksanaan dan penyampaian dalam memastikan program pembangunan sampai ke peringkat akar umbi.

Sehubungan dengan itu, Kementerian sentiasa mengambil langkah-langkah untuk mengatasi isu dan masalah ini dalam memastikan usahawan IKS terus berdaya tahan, berdaya maju dan berdaya saing seperti berikut:


- i. meningkatkan sistem penyampaian sedia ada melalui pendekatan ***Entrepreneur's Centric Model (ECM)*** yang menterjemah setiap permasalahan dan langkah penyelesaian yang perlu diambil oleh Kementerian. Ini meliputi aspek-aspek pengurusan strategik supaya hanya lebih bersepadu, dinamik dan "mesra usahawan" di samping itu mengutamakan aspek-aspek berkaitan *human delivery* seperti budaya dan minda suka menolong serta jati diri yang tinggi perlu ditanam dalam diri setiap pegawai bagi memastikan pelaksanaan perancangan yang dibuat tercapai;
- ii. mempermudah barangan usahawan IKS untuk memasuki gedung perniagaan besar;
- iii. memantapkan keupayaan institusi pembiayaan di bawah MECD bagi menjadikan institusi ini lebih 'mesra pelanggan' dan mudah;
- iv. memberi kemudahan kepada usahawan IKS ke arah meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan seperti program 'Groom Big';
- v. mengadakan lebih banyak program promosi dan pemasaran di dalam dan di luar negara;
- vi. membuka lebih banyak peluang kepada usahawan IKS dalam meningkatkan ilmu keusahawanan dan penguasaan teknologi;
- vii. mewujudkan agen-agen pemasar di luar negara bagi membolehkan produk usahawan IKS tempatan menembusi pasaran global;
- viii. menggalakkan jaringan di kalangan usahawan dan koperasi untuk membentuk satu pakatan strategik bagi menembusi pasaran yang lebih luas; dan

- ix. mewujudkan sistem penyelarasan dan pemantauan di peringkat daerah melalui Majlis Pembangunan Usahawan Daerah (MPUD) bagi memastikan pelaksanaan program-program pembangunan usahawan dan koperasi dapat dinikmati di peringkat akar umbi.

Segala usaha Kementerian yang dirancang dan dilaksanakan dalam mempertingkatkan pencapaian usahawan IKS ini telah menunjukkan hasil peningkatan dan berkesan. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), MECD mensasarkan untuk melahirkan **150,000 usahawan-usahawan baru** dalam pelbagai bidang ekonomi. Sehingga Jun 2008, MECD telah berjaya mewujudkan sebanyak **73,334 usahawan-usahawan baru** dan seterusnya diharapkan usahawan-usahawan IKS ini dapat bersaing di peringkat global.


Disediakan oleh : **Nurul Dailiah binti Ali**
PP (RN) 4
Tel. Pejabat : 03-8880 5881
Tel. H/P : 012-521 2182

Disemak oleh : **Sabarudin bin Salleh**
KPPK (RN) 1
Tel. Pejabat : 03-8880 5192
Tel. H/P : 019-266 3890



7/10

Diluluskan oleh : **KSU**



10/10

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID
TARIKH : 26 NOVEMBER 2008

SOALAN:

Y.B. Tuan Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan alasan perkembangan ekonomi Pahang yang agak perlahan berbanding negeri-negeri di Semenanjung di sebalik potensi tinggi yang dimiliki oleh Pahang. Apakah strategi yang diambil (selain pelancaran koridor ECER) yang mempertingkatkan ekonomi yang kukuh serta dapat dinikmati oleh seluruh rakyat Pahang

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya pencapaian ekonomi negeri Pahang tidaklah lembab atau perlahan sepertimana ditunjukkan oleh **pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK) negeri Pahang pada kadar 5.1%** berbanding **kadar pertumbuhan KDNK negara iaitu 6.3%** pada tahun 2007. Dengan usaha yang lebih gigih, ekonomi negeri Pahang berpotensi untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi iaitu dianggarkan pada kadar **5.9%** berbanding anggaran pertumbuhan KDNK negara iaitu **5.7%** bagi tempoh 2008.

Kemajuan ekonomi yang dicapai di Pahang sebenarnya telah berupaya meningkatkan taraf hidup penduduk negeri. Penyiasatan Pendapatan Isirumah 2007 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan pendapatan purata isirumah kasar bulanan bagi Pahang telah meningkat daripada **RM2,410 pada tahun 2004** kepada **RM3,703 sebulan pada tahun 2007** iaitu lebih tinggi berbanding peningkatan purata kebangsaan daripada **RM3,249** kepada **RM3,686**. Kadar kemiskinan di Pahang pula, juga terus berkurangan dengan ketara daripada **4.0% pada tahun 2004** kepada hanya **1.7% pada tahun 2007**, iaitu lebih baik berbanding pengurangan kadar kemiskinan keseluruhan daripada **5.7%** kepada **3.6%**.

Tuan yang di-Pertua,

Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai strategi dan usaha untuk memastikan peningkatan pertumbuhan ekonomi negeri yang lebih kukuh dan kemajuan sosial secara lebih baik untuk dinikmati oleh rakyat. Strategi ini ditumpukan kepada 3 sektor utama iaitu dari segi pembangunan perindustrian, pertanian dan pelancongan. Dari segi pembangunan perindustrian, antara langkah yang diambil oleh Kerajaan ialah menaik taraf kawasan-kawasan perindustrian di Pahang khususnya kemudahan asas kawasan perindustrian bagi menarik pelaburan. Di bawah RMKe-9, sejumlah RM10 juta telah diperuntukkan untuk menaik taraf infrastruktur asas kawasan-kawasan perindustrian sedia ada di Pahang. Selain itu, bagi memenuhi keperluan kapasiti pelabuhan di Pahang, sebanyak RM250 juta telah disediakan untuk menaik taraf Pelabuhan Kuantan. Bagi pembangunan sektor pelancongan pula, usaha juga telah diambil untuk meningkatkan sumbangan sektor tersebut kepada ekonomi negeri Pahang. Dalam hal

ini, peruntukan juga telah disediakan bagi menaik taraf kemudahan infrastruktur pelancongan di Pahang. Sebagai contoh, sejumlah RM43.9 juta disediakan di bawah RMKe-9 bagi tujuan ini. Misalnya, membina dan menaik taraf kemudahan infrastruktur pelancongan seperti menaik taraf jalan dan jeti di Pulau Tioman, pembinaan jalan di Bukit Tinggi Resort, dan menaik taraf kemudahan pelancongan di Bukit Fraser. Selain itu, Kerajaan juga telah dan akan meningkatkan **kemudahan infrastruktur sosial** seperti sekolah, hospital dan infrastruktur perhubungan awam seperti jalan raya dan pelabuhan di Pahang. Dalam hal ini, sebanyak RM3.1 bilion telah disediakan untuk tujuan tersebut. Setakat ini, sebanyak 22 projek infrastruktur awam dan 17 projek-projek kesihatan telah disiapkan. Satu lagi strategi yang diambil oleh Kerajaan ialah melalui **pembangunan sektor pertanian** di mana sebanyak RM421 juta telah disediakan bagi meluaskan kawasan pertanian dan memperkembangkan sektor tersebut di Pahang. Antara projek utama pertanian yang akan dilaksanakan di Pahang termasuklah Projek Agropolitan Pekan, Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan di Ulu Tembeling dan Lanchang, serta Taman Herba dan Bioteknologi di Temerloh dan Raub.

Saya percaya dan yakin bahawa dengan pelbagai usaha dan strategi yang dirangka oleh Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri, maka Pahang akan terus membangun selaras dengan matlamat pembangunan nasional.

PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

SOALAN : Dr Hiew King Cheu (Kota Kinabalu) minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan tuntutan terbuka Sultan Sulu bahawa Sabah adalah hak milik mereka. Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan atas tuntutan ini dan mengapakah pembayaran sewa masih dibuat ?

TARIKH : 26 NOVEMBER 2008 (RABU)

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Kinabalu ke atas soalan yang dikemukakan.

Sabah adalah sebahagian daripada Malaysia yang merdeka dan berdaulat. Sebarang tuntutan terbuka Sultan Sulu terhadap Sabah tidak akan mendatangkan apa-apa kesan. Tuntutan oleh mana-mana pihak yang mengatakan Sabah adalah milik ataupun sebahagian dari wilayah mereka adalah tidak berasas sama sekali

dan tidak perlu diberi perhatian. Pada ketika ini, Kerajaan Malaysia juga tidak pernah mengadakan sebarang perundingan dengan mana-mana pihak mengenai tuntutan Filipina ke atas Sabah.

Pembayaran wang serahan (cession money) kepada waris Kesultanan Sulu pula masih diteruskan berdasarkan kepada keputusan Mahkamah Borneo Utara tahun 1939 yang menyatakan bahawa hanya waris-waris Sultan Sulu yang sah sahaja mempunyai hak untuk mendapatkan wang serahan.

Untuk makluman Yang Berhormat Kota Kinabalu, pembayaran wang serahan tersebut bererti bahawa Kesultanan Sulu tidak mempunyai apa-apa hak ke atas Sabah kerana ia telah menyerahkan Borneo Utara sepenuhnya kepada Syarikat Borneo Utara British.

Kerajaan Malaysia masih membayar wang serahan tersebut iaitu sebanyak RM5,300.00 setahun kerana keputusan Mahkamah Borneo Utara tersebut masih berkuatkuasa sehingga ke hari ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. Rosnah Binti Abdul Rashid Shirlin

TARIKH: 26 NOVEMBER 2008

SOALAN:

Y.B. Rosnah Binti Abdul Rashid Shirlin [Papar] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kementerian akan merangka polisi dan dasar tertentu bagi memastikan majikan tidak selamanya cenderung untuk bergantung pada pekerja asing sedangkan negara setiap tahun menyediakan puluhan ribu pekerja mahir tempatan lulusan ILKA (Institut Latihan Kemahiran Awam).

PR-1213-L15113

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia memerlukan tenaga kerja asing bagi menampung kekurangan tenaga kerja terutama di sektor-sektor perladangan, pembinaan dan perkhidmatan. Kebergantungan Malaysia kepada pekerja asing tidak dalam kerja-kerja yang memerlukan kemahiran. Mengikut Laporan Guna Tenaga oleh Jabatan Tenaga Kerja (JTK) tahun 2008, didapati 49.6% daripada pekerja asing memenuhi bidang pekerja asas sahaja, iaitu bidang pekerjaan yang tidak memerlukan kemahiran serta memperoleh pendapatan yang rendah. Manakala 21% daripada pekerja asing memenuhi bidang Operator Loji dan Mesin dan Pemasang yang memerlukan kemahiran.

Kerajaan telah menetapkan untuk mengurangkan bilangan pekerja asing kepada 1.8 juta orang pada tahun 2010. Di antara dasar dan tindakan yang diambil oleh Kerajaan bagi mengurangkan kebergantungan negara kepada pekerja asing adalah seperti berikut :-

- Penetapan siling pengambilan pekerja asing;
- Penerapan pelaksanaan proses automasi, mekanisasi dan *Industrialised Building Systems* (IBS) di dalam sektor yang bergantung kepada tenaga kerja asing;
- Mempergiatkan usaha untuk meningkatkan penyertaan rakyat tempatan di dalam sektor-sektor yang pada masa ini kekurangan tenaga kerja;
- Merangka dasar dan strategi untuk meningkatkan penyertaan tenaga kerja wanita di dalam pasaran pekerjaan seperti program *home-working*;
- Menggiatkan usaha untuk menarik lebih ramai penyertaan rakyat tempatan di sektor perladangan.

Tuan Yang Di Pertua,

KSM juga telah memperkenalkan konsep “latih dan ganti”. Melalui konsep ini, KSM telah dan sedang mengenal pasti jawatan-jawatan sekarang yang diisi oleh pekerja asing dan boleh digantikan dengan pekerja tempatan. KSM dengan kerjasama MIDA mengumpul maklumat keperluan tenaga kerja mahir oleh pelabur-pelabur baru. KSM akan mempertingkatkan latihan-latihan kemahiran kepada pekerja tempatan supaya dapat menampung keperluan tersebut .

Menerusi Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN), majikan memainkan peranan penting dalam mengeluarkan tenaga mahir di mana 70% masa pelatih dilatih menggunakan

premis majikan secara *on the job training* dan baki 30% masa digunakan untuk mempelajari teori di bilik kuliah.

Setiap tahun Jabatan Tenaga Manusia (JTM) menerusi 28 Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) mengeluarkan lebih dari 8,000 tenaga mahir terlatih dalam 38 bidang kemahiran. Didapati rata-rata jawatan yang disandang oleh keluaran ILKA adalah sebagai pekerja separa mahir dan mahir, Juruteknik sehinggalah ke tahap yang lebih tinggi seperti Penyelia dan juga profesional.

Kementerian Sumber Manusia menerusi Jabatan Tenaga Kerja (JTK) telah memperkukuhkan Unit Perkhidmatan Pekerjaan di semua 80 pejabat JTK di seluruh Malaysia bagi membantu pekerja tempatan untuk mendapatkan pekerjaan.

NO: 16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN ROSLAN BIN SHAHARUM
TARIKH : 26 NOVEMBER 2008
NO. SOALAN : NO. 16

Tuan Roslan bin Shaharum [Bukit Gantang] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah graduan perubatan yang dihasilkan oleh IPTA dan IPTS setiap tahun. Apakah kadar keluaran tersebut mampu menampung kekurangan tenaga doktor-doktor di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah graduan perubatan yang dihasilkan oleh IPTA dan IPTS bagi tempoh 2005 hingga 2007 adalah seramai 1,220 orang pada tahun 2005, 2,232 orang pada tahun 2006 dan 1,784 orang pada tahun 2007.

Sebagaimana kita sedia maklum, pada masa ini masih berlaku kekurangan tenaga doktor di negara ini. Walau bagaimana pihak KPT

tidak dapat menyentuh lebih lanjut berkaitan perkara tersebut memandangkan ianya menyentuh bidang kuasa Kementerian lain (Kementerian Kesihatan).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN RAZALI BIN HAJI IBRAHIM
TARIKH : 26 NOVEMBER 2008
SOALAN :

Y.B. Tuan Razali Bin Haji Ibrahim (Muar) minta **Menteri Sumber Manusia** menyatakan apakah usaha-usaha untuk memberi peluang pekerjaan kepada warga emas dan pesara-pesara memandangkan kebanyakan antara mereka adalah masih produktif.

PR-1213-L15446

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua

Kementerian Sumber Manusia berusaha untuk memberi peluang pekerjaan kepada warga tua yang berumur 60 tahun ke atas melalui program *home working* yang mana pekerjaan yang terlibat merupakan pekerjaan ringan yang mampu dilakukan oleh mereka. Selain itu program ini juga melibatkan golongan ibu tunggal, suri rumah, Orang Kurang Upaya dan golongan tua. Kaedah pelaksanaan program ini samada secara *community base* atau bekerja di rumah. Kementerian bekerjasama dengan badan-badan NGO's, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pembangunan Wanita dan lain-lain pertubuhan bagi menjayakan program yang diusahakan. Kementerian telah dan akan mengenal pasti majikan-majikan yang bersedia menawarkan pekerjaan secara *home working* kepada kumpulan sasar memandangkan ini merupakan salah satu tanggungjawab sosial membantu kumpulan sasar menambahkan pendapatan.

KSM mempunyai Pejabat Tenaga Kerja diseluruh negara yang bersedia membantu mendaftar para pesara mendapatkan pekerjaan. Mereka juga boleh melayari laman web www.jobsmalaysia.gov.my

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
[BATANG SADONG]
TARIKH : 26 NOVEMBER 2008
SOALAN :**

Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai perancangan untuk menambahkan doktor perubatan di negeri Sarawak yang masih memerlukan banyak doktor terutama sekali di kawasan-kawasan pedalaman.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sememangnya mempunyai perancangan untuk menambahkan bilangan doktor di negeri Sarawak. Antara langkah-langkah tersebut adalah :

- i. Melantik semula secara automatik Pegawai Perubatan yang telah bersara wajib khususnya pakar perubatan, pegawai perubatan serta anggota paramedik dengan syarat mereka

mempunyai rekod dan prestasi perkhidmatan yang cemerlang dan kesihatan yang baik;

- ii. Bekerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk menambahkan kuota pengambilan mahasiswa dalam bidang perubatan;
- iii. Mengambil Pegawai Perubatan bukan warganegara secara kontrak;
- iv. Menambahbaik terma dan syarat-syarat perkhidmatan Pegawai Perubatan dan anggota paramedik dengan mewujudkan pelbagai insentif dan peluang kemajuan kerjaya yang baik. Antara insentif yang telah diperkenalkan termasuklah Elaun Wilayah, Elaun Perumahan Wilayah, Bayaran Insentif Pedalaman serta Elaun Perudara untuk anggota perkhidmatan kesihatan yang berkhidmat di Sarawak dan Sabah; dan
- v. Menempatkan pegawai-pegawai Perubatan yang berasal dari Sabah dan Sarawak untuk berkhidmat sekurang-kurangnya dua tahun di negeri-negeri tersebut.

Di samping itu juga, bagi memastikan rakyat Sarawak tidak dinafikan keperluan kesihatannya di kawasan-kawasan terpencil dan sukar dihubungi akibat ketiadaan klinik-klinik kesihatan, Kementerian Kesihatan telah dan akan sentiasa menambahbaik perkhidmatan *flying doctor services* mengikut keperluan supaya rakyat di kawasan

pedalaman turut dapat bersama-sama menikmati perkhidmatan kesihatan yang cekap.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN GOBALAKRISHAN A/L NAGAPAN
(PADANG SERAI)
TARIKH : 26.11.2008

SOALAN:

Y.B. TUAN GOBALAKRISHAN A/L NAGAPAN [PADANG SERAI] minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah semua sekolah-sekolah di Malaysia akan diiktiraf sebagai sekolah-sekolah bantuan penuh.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian terhadap sekolah-sekolah di bawah kelolaan Kerajaan sama ada Sekolah Kerajaan atau Sekolah Bantuan Kerajaan, dan KPM memberi peruntukan kepada semua aliran sekolah termasuklah sekolah-sekolah jenis kebangsaan (SJKC dan SJKT), sekolah mubaligh dan sekolah agama bantuan kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk menjadikan sekolah bantuan kerajaan kepada sekolah kerajaan, Kerajaan tidak boleh sewenang-wenangnya mengambil tanah tapak sekolah yang bukan kepunyaan kerajaan melainkan pemilik tanah tersebut secara sukarela menyerahkannya kepada kerajaan. Di samping itu, banyak aspek lain perlu diberikan perhatian terhadap dasar mengambil alih sekolah berkenaan seperti persetujuan semua ibu bapa, lembaga pengelola dan PIBG; proses pengambilalihan tanah; penyediaan tapak

dan pemilihan lokasi yang sesuai; serta kos pembinaan infrastruktur. Perkara yang lebih utama dalam hal ini adalah kemampuan kewangan kerajaan untuk melaksanakan semua perkara-perkara tersebut. Perlu dijelaskan bahawa masih banyak sekolah kerajaan khususnya di luar bandar dan pedalaman sangat memerlukan perhatian khususnya dari segi pembangunan dan kemudahan fizikal.

Rjm 79

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' DR. JAMES DAWOS MAMIT
[MAMBONG]
TARIKH : 26 NOVEMBER 2008
SOALAN :

Dato' Dr. James Dawos Mamit [Mambong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang yang diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi kekurangan jururawat di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua,

Langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang yang diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi kekurangan jururawat adalah seperti berikut:

- a. Meluluskan 420 jawatan untuk melantik jururawat secara kontrak selepas bersara wajib sehingga umur 60 tahun berdasarkan *contract in service*;

- b. Melantik jururawat secara kontrak selepas bersara wajib berdasarkan *contract for service* dan akan dilantik pada gred yang sama atau satu gred di bawah semasa bersara wajib;
- c. Melantik secara kontrak Jururawat bukan warganegara untuk berkhidmat di seluruh negara;
- d. Lantikan terus melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) bagi calon-calon bukan pelatih Kementerian atau yang sedang berkhidmat di badan berkanun atau swasta;
- e. Menawarkan pelbagai insentif bersesuaian dengan beban tugas yang terpaksa ditanggung seperti pemberian Elaun Kritikal dan Insentif Pedalaman bagi jururawat yang ditempatkan di kawasan yang telah dikenalpasti di Sabah dan Sarawak;
- f. Peluang kenaikan pangkat dengan mewujudkan lebih banyak jawatan-jawatan kenaikan pangkat;
- g. Menambahbaik skim perkhidmatan jururawat pada tahun 2005 apabila kerajaan meluluskan Skim Perkhidmatan Jururawat Bersepadu dengan penambahan gred-gred baru sehingga kepada Kumpulan Pengurusan dan Profesional;
- h. Memberi pelbagai kemudahan kepada jururawat yang layak seperti Pinjaman Kenderaan, Pinjaman Perumahan dan Kemudahan Kuarters; dan

- i. Meningkatkan pengambilan pelatih Diploma Kejururawatan di Institut Latihan Kementerian Kesihatan sebanyak 30 peratus bagi kemasukan sesi pengamilan 2009;
- j. Meningkatkan pengambilan pelatih Diploma Kejururawatan dan ditempatkan di Institusi Latihan Swasta (ILS) di bawah Program *Outsourcing* Program Diploma Kejururawatan; dan
- k. Menambahkan bilangan Pengajar di semua Institusi Latihan Kementerian Kesihatan untuk mempertingkatkan kualiti sistem pengajaran yang sedia ada.

Perancangan jangka masa panjang adalah untuk menaiktaraf semua Institusi Latihan Kementerian Kesihatan untuk meningkatkan kualiti dan kuantiti pelatih Jururawat.

SOALAN NO. (21)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN DING KUONG HIING
(SARIKEI)
TARIKH : 26 NOVEMBER 2008 (RABU)

SOALAN :

Y.B. TUAN DING KUONG HIING (SARIKEI) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang mempunyai peruntukan akta untuk pewartaan tanah Native Customary Rights (NCR) di Sarawak seperti Skim Komuniti Berpagar dalam Akta Perumahan dan Kerajaan Tempatan 2007. Jika ada, nyatakan peruntukan. Jika tiada, nyatakan sebabnya.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tidak bercadang mewartakan tanah *Native Customary Rights* di Sarawak seperti Skim Komuniti Berpagar memandangkan tanah *Native Customary Rights* tertakluk di bawah *Sarawak Land Code* yang terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sarawak.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

November 2008

SOALAN NO. 22

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ

KAWASAN : SUNGAI SIPUT

TARIKH : 26.11.2008 (RABU)

Y.B. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan apakah Perjanjian Perdagangan Bebas yang sedang dirundingkan dengan negara-negara lain pada masa ini. Adakah hasrat Kerajaan untuk mendapatkan maklum balas daripada NGO dan masyarakat sebelum melakukan keputusan muktamad berkaitan Perjanjian Perdagangan ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang DiPertua,

Buat masa ini, Malaysia sedang mengadakan rundingan perjanjian perdagangan bebas duahala dengan Amerika Syarikat, Chile, India, Australia dan New Zealand. Di peringkat serantau, Malaysia bersama negara-negara ASEAN yang lain sedang menjalankan rundingan FTA secara komprehensif dengan Kesatuan Eropah (EU) dan sedang merundingkan FTA dengan Jepun dan India dalam bidang pelaburan dan sektor perkhidmatan. Rundingan mengenai perdagangan barangan dengan Jepun dan India telah selesai.

Pasukan – pasukan perunding Malaysia yang terdiri daripada wakil Kementerian dan Jabatan berkenaan, lazimnya menjalankan konsultasi dan sentiasa mengambilkira input daripada pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan termasuk pihak perdagangan dan perindustrian serta pihak-pihak yang berkepentingan dalam proses mengatur strategi dan merumuskan pendirian Malaysia. Umpamanya, Kementerian saya, tetap memberi perhatian serius terhadap input-input dan maklumbalas daripada pelbagai pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan yang mewakili *civil society*, dengan izin, termasuk persatuan-persatuan pengguna, persatuan pekerja dan sebagainya. Kerajaan akan terus menggalakkan dan mengalukan input-input yang membina daripada NGO.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR BIN
HAJI SALLEH

TARIKH : 26 NOVEMBER 2008

SOALAN:

Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan memandangkan kawasan Pantai Timur Sabah senantiasa diancam pendatang tanpa izin dan penjenayah asing, bolehkah pihak kementerian mewujudkan Pos Keselamatan dari Tawau ke Sandakan. Pihak keselamatan yang ada nampaknya sukar untuk menbendung kemasukan pendatang tanpa izin yang bolos setiap hari.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Semenjak tahun 2006 dan sepanjang tahun 2007, Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah mewujudkan Pos-pos Keselamatan Jawatankuasa Penyelarasan Gerakan (JPG) yang terdiri daripada agensi penguatkuasaan seperti Polis Di Raja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta agensi lain yang berkaitan untuk tujuan memantau dan mengawal sempadan serta perairan negara daripada kegiatan penyeludupan manusia atau pendatang tanpa izin serta penjenayah asing.

Pos-pos Keselamatan Jawatankuasa Penyelarasan Gerakan (JPG) ini diwujudkan merangkumi daerah Tawau ke Sandakan antaranya di Pulau Mabul, Pulau Matakling dan Kuala Meruap. Selain merangkumi daerah Tawau ke Sandakan, pos-pos Keselamatan Jawatankuasa Penyelarasan Gerakan (JPG) turut diwujudkan di daerah-daerah lain seperti di Kudat, Lahad Datu dan Semporna. Pada tahun 2008, pos-pos keselamatan baru tidak dibina kerana pos-pos keselamatan sedia ada masih memadai; sebaliknya lebih menumpukan kepada penambahbaikan dan menaik taraf pos-pos keselamatan yang sedia ada tersebut.

Sementara itu, terdapat dua Pos Sekatan Jalanraya secara tetap diwujudkan yang dikawal oleh pasukan keselamatan di Jalan Semporna - Tawau dan di Jalan Sandakan – Telupid.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

Pertanyaan : LISAN

**Daripada : TUAN LIEW CHIN TONG
[BUKIT BENDERA]**

Tarikh : RABU, 26 NOVEMBER 2008

SOALAN

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] minta MENTERI PENERANGAN menyatakan bilakah siaran langsung sesi soal jawab Parlimen akan ditambah dari 30 minit ke 90 minit dan adakah Kementerian bersedia menyiarkannya dengan penuh menerusi Internet.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama soalan oleh YB Muar bertarikh 3 Disember 2008 kerana ia melibatkan perkara yang sama.

SULIT

NO SOALAN : 25

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SIVARASA A/L
K. RASIAH
(SUBANG)**

**TARIKH : 26 NOVEMBER 2008
(RABU)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan :-

- a) Mengapakah Kementerian melaksanakan secara tergesa-gesa program PLKN peringkat baru bawah umur 35 tahun, apakah matlamatnya; dan**
- b) apakah keputusan kajian menyeluruh telah dibuat terhadap kesan institusi kekeluargaan serta pendapatan ahli keluarga yang dipilih tidak terganggu.**

SULIT

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat ini tiada pelaksanaan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) peringkat baru bawah umur 35 tahun seperti yang dibangkitkan.

Apa yang wujud adalah had umur pelatih seperti yang terkandung dalam Akta Latihan Khidmat Negara 2003, di mana pelatih-pelatih yang layak dipilih untuk mengikuti program ini terdiri dari kalangan remaja berumur di antara 16 hingga 35 tahun.

Walau bagaimanapun, setakat ini proklamasi Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong setiap tahun adalah dikhususkan kepada remaja yang berumur lebih enam belas tahun tetapi belum mencapai umur lapan belas tahun. Golongan remaja dalam lingkungan umur tersebut kebanyakannya telahpun menamatkan sesi persekolahan menengah dan disifatkan cergas serta cerdas untuk mengikuti latihan bagi melengkapkan diri mereka dalam menghadapi cabaran.

SULIT

Tuan Yang di-Pertua,

Memandangkan tiada pelaksanaan program PLKN peringkat baru bawah umur 35 tahun maka tiada kajian terhadap kesan institusi kekeluargaan dan pendapatan oleh keluarga dibuat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN
DARIPADA: TUAN NGA KOR MING [TAIPING]
TARIKH: 26 NOVEMBER 2008

SOALAN:

Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta Perdana Menteri menyatakan jumlah bayaran ex-gratia yang dibayar kepada bekas hakim-hakim Mahkamah Persekutuan yang dipecat semasa krisis Kehakiman pada tahun 1988 mengikut nama masing-masing.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Seperti yang telah dijawab oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 6hb November 2008, hakim-hakim Mahkamah Persekutuan telah menerima bayaran ex-gratia seperti berikut:

Tun Salleh Abas RM5 juta;
Tan Sri Wan Suleiman Pawanteh RM2 juta;
Datuk George Edward Seah Kim Seng RM2 juta;
Tan Sri Wan Hamzah Mohd Salleh RM500,000;
Tan Sri Azmi Kamaruddin RM500,000; dan
Tan Sri Eusoffe Abdoolcader RM500,000.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN: LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM LIP ENG
[SEGAMBUT]**

TARIKH : RABU, 26 NOVEMBER 2008

RUJUKAN : 18

SOALAN :

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan jumlah perbelanjaan dan bilangan lawatan ke luar negara oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan DBKL bagi tahun 2006-2008 mengikut destinasi, tujuan, siapakah peserta-peserta yang telah pergi dan agensi pelancongan tempatan yang dilantik untuk lawatan-lawatan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Segambut, statistik perbelanjaan dan bilangan lawatan ke luar negara bagi Kementerian Wilayah Persekutuan untuk tahun 2006 hingga September 2008 adalah seperti berikut:

BIL	TAHUN	BILANGAN LAWATAN	BILANGAN PESERTA	KOS (RM)
1.	2006	2	13	165,333.00
2.	2007	4	18	485,794.37
3.	2008	1	6	410,000.00
	JUMLAH	7	37	1,061,127.37

Manakala statistik perbelanjaan dan bilangan lawatan ke luar negara bagi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk tahun 2006 – September 2008 adalah seperti berikut:

BIL	TAHUN	BILANGAN LAWATAN	BILANGAN PESERTA	KOS (RM)
1.	2006	57	275	4,744,578.20
2.	2007	47	134	2,611,665.23
3.	2008	33	104	1,260,551.25
	JUMLAH	137	513	8,616,794.68

Perbelanjaan bagi lawatan ke luar negara adalah termasuk bayaran tiket penerbangan (mengikut kelayakan), penginapan, pengangkutan, elaun makan, elaun pakaian panas, bayaran perubatan, bayaran pasport antarabangsa dan visa, dobi dan belanja pelbagai mengikut kelayakan. Kelayakan bayaran elaun dan belanja pelbagai adalah mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2003 (Kadar dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Menjalankan Tugas Rasmi – Tidak Termasuk Anggota Tentera dan Anggota Polis). Lawatan ke luar negara yang dilakukan adalah termasuk lawatan kerja, lawatan teknikal, lawatan sambil belajar, mesyuarat, persidangan serta jemputan daripada organisasi dalam dan luar negara.

Peserta-peserta yang mengikuti lawatan adalah terdiri daripada pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian dan agensi-agensinya di bawahnya.

Senarai nama agensi-agensi pelancongan yang dilantik bagi menguruskan lawatan-lawatan sepanjang tahun 2006 hingga September 2008 tersebut adalah seperti berikut:

NAMA AGENSI-AGENCI PELANCONGAN YANG MENGURUSKAN PERJALANAN KE LUAR NEGARA KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR SERTA KEKERAPANNYA BAGI TAHUN 2006 - 2008

BIL	NAMA AGENSI	BILANGAN KEKERAPAN
1.	Jetworld Holidays Travel & Tours Sdn Bhd.	12
2.	Amazon Travel Network Sdn. Bhd.	10
3.	Green Adventure Holidays Sdn Bhd	7
4.	Sri Sutra Travel Sdn Bhd	7
5.	Destinasia Travel Sdn Bhd	6
6.	Triways Travel Network (M) Sdb. Bhd.	6
7.	Fal Resort & Tours (M) Sdn Bhd	5
8.	Lintas Travel Services Sdn Bhd	5
9.	C.S Holidays Sdn Bhd	4
10.	Mars link Travel & Tours Sdn.Bhd	3
11.	Sri Kedawang Travel & Tour (M) Sdn Bhd	3
12.	TM Tour & Travel Sdn Bhd	3
13.	TITM Holidays Sdn Bhd	3
14.	City Connections Travel Sdn Bhd	3
15.	TJ Travel & Tours	2
16.	Aldyma Travel & Tours Sdn. Bhd.	2
17.	Twenty First Century Travel System Sdn Bhd	2
18.	TLM Travel & Tours Sdn Bhd	2
19.	Mahola Travel & Tour Sdn Bhd	2
20.	RAM Travel Sdn Bhd	2

21.	SMAS Travel Sdn Bhd	2
22.	Sri Amera Holidays (M) Sdn Bhd	1
23.	Angkasa Travel Service	1
24.	Travelynne & Tours Sdn Bhd	1
25.	Gemala Travel & Tours Sdn. Bhd.	1
26.	MTB Travel & Tour Sdn Bhd	1
27.	Nadia Hasni Travel & Tour Sdn Bhd	1
28.	Far East Travel Centre Sdn Bhd	1
29.	Sri Comm Travel Services Sdn Bhd	1
30.	TH Travel & Tour Sdn Bhd	1
31.	MS Star Travel & Tour Sdn Bhd	1
32.	SRT Travel & Tour Sdn Bhd	1
33.	Kota Mas Travel & Tour Sdn Bhd	1
34.	Pena Travel Sdn Bhd	1
35.	Zias Niaga Enterprise	1
36.	Malik, Lip & Associates	1
37.	Perpel Travel & Tour Sdn Bhd	1
38.	TJ Travel & Tour Sdn Bhd	1
39.	Ezy Travel & Tour Sdn Bhd	1
40.	Sheh Travel & Tours Sdn.Bhd	1
41.	Plus & Plus Travel & Tour Sdn Bhd	1
42.	Nepline Travel Sdn Bhd	1
43.	Motivest Travel & Tour Sdn Bhd	1

44.	Colossus Travel & Tour Sdn Bhd	1
45.	YHA Travel & Tour (M) Sdn Bhd	1
46.	Creative Holidays (M) Sdn. Bhd.	1
47.	Honey Vacation Travel & Tours Sdn. Bhd.	1
48.	Tradewinds Travel & Tours Sdn. Bhd.	1
49	Innovative Holidays Sdn. Bhd.	1
50	Rakyat Travel Sdn. Bhd.	1

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' MUKHRIZ BIN TUN DR.
MAHATHIR
KAWASAN : JERLUN
TARIKH : 26.11.2008 (RABU)

Y.B. DATO' MUKHRIZ BIN TUN DR. MAHATHIR minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan tidakkah boleh dihentikan sahaja perundingan FTA dengan Amerika Syarikat memandangkan ketidaktentuan politik, kemelut kewangan dan krisis ekonomi yang mereka hadapi dan juga campur tangan Jabatan Negara AS dalam hal-hal dalaman Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Malaysia masih meneruskan rundingan perjanjian perdagangan bebas (FTA) dengan Amerika Syarikat tetapi rundingan tersebut tidak tertakluk kepada sesuatu jangkamasa yang telah ditetapkan oleh mana-mana pihak mahupun perkembangan politik jangka pendek di Malaysia atau Amerika Syarikat.

Walaupun pada masa ini Amerika Syarikat menghadapi ketidaktentuan politik, kemelut kewangan dan krisis ekonomi, ianya tidak menjejaskan proses rundingan FTA tersebut. Tambahan pula, hubungan ekonomi

dan perdagangan duahala antara Malaysia dan Amerika Syarikat masih kukuh dan menunjukkan perkembangan yang positif.

Komuniti perdagangan dan pelaburan di Malaysia dan di Amerika Syarikat terus memberi sokongan yang kuat terhadap rundingan FTA tersebut, dan berkeyakinan, hasil rundingan yang dicapai akan memberi manfaat bagi jangka masa yang panjang melalui peningkatan aliran perdagangan dan pelaburan duahala serta peluang-peluang perniagaan yang lebih luas.

Memandangkan faedah yang didapati dari FTA adalah bagi tempoh masa yang panjang, kemelesetan ekonomi global pada masa ini, terutamanya di Amerika Syarikat, bukanlah satu alasan yang kukuh bagi Malaysia menghentikan rundingan FTA. Rundingan FTA yang berterusan dengan Amerika Syarikat pada masa ini, sebenarnya, boleh mendatangkan faedah kepada negara.

Sebagai contoh, krisis sektor kewangan di Amerika yang mempunyai kesan negatif terhadap ekonomi dunia sekarang jika berlarutan mungkin menghasilkan amalan-amalan "*protectionist*", dengan izin. Jika ia berlaku, kebanyakan negara akan melaksanakan dasar-dasar yang boleh menyebabkan pengwujudan halangan perdagangan ke atas eksport Malaysia. Rundingan FTA yang diteruskan dengan Amerika Syarikat akan memberi keyakinan kepada komuniti perniagaan bahawa usaha liberalisasi akan diteruskan dan secara langsung menghalang Amerika Syarikat untuk melaksanakan langkah-langkah "*protectionism*" perdagangan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan akan tetap menegaskan kepada pihak Amerika Syarikat bahawa Malaysia tidak akan berkompromi ke atas permintaan-permintaan dan cadangan yang tidak munasabah

menyentuh kedaulatan negara atau bercanggahan dengan dasar-dasar pembangunan negara yang perlu dikekalkan. Kerajaan juga tidak akan membenarkan rundingan FTA dijadikan alasan untuk Jabatan Negara Amerika Syarikat mencampuri dalam hal-hal domestik Malaysia.

SULIT

NO SOALAN : 29

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MOHD FIRDAUS BIN
JAAFAR
(JERAI)**

**TARIKH : 26 NOVEMBER 2008
(RABU)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan adakah Kementerian menyediakan tanah kepada anggota-anggota tentera yang telah berkhidmat mempertahankan kedaulatan negara melebihi 20 tahun sebagai menghargai jasa-jasa dan pengorbanan mereka kepada negara.

SULIT

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertahanan tidak menyediakan tanah kepada anggota-anggota tentera yang telah lama berkhidmat sama ada yang masih dalam perkhidmatan atau yang telah bersara. Kementerian juga tidak mempunyai bidang kuasa dalam hal-hal berkaitan dengan pemberian atau penganugerahan tanah.

Walau bagaimanapun, mereka boleh membuat permohonan kepada kerajaan-kerajaan negeri yang berkenaan memandangkan urusan tanah dan hal-ehwal pentadbirannya adalah terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri seperti yang termaktub dalam Kanun Tanah Negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN GOBIND SINGH DEO

KAWASAN : PUCHONG

RUJUKAN : 1349

TARIKH : 26 NOVEMBER 2008

Y.B. Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan mengapakah masih terdapat banyak kes-kes kad pengenalan merah di kalangan penduduk-penduduk Malaysia dan langkah-langkah untuk mengatasinya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua ,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Puchong yang mengemukakan pertanyaan.

Tidak dapat dinafikan bahawa masih terdapat banyak kes-kes Kad Pengenalan Merah di kalangan penduduk-penduduk Malaysia disebabkan terdapatnya warga asing yang ingin masuk dan terus tinggal menetap di Malaysia bagi jangka masa panjang.

Warga asing yang memegang Permit Masuk (*Entry Permit*) dari Jabatan Imigresen Malaysia di bawah Seksyen 10 Akta Imigresen 1959/1963 layak mendapatkan taraf Penduduk Tetap dalam tempoh setahun untuk tujuan memperoleh Kad Pengenalan MyPR dari Jabatan Pendaftaran Negara.

Untuk makluman Y.B., Kad Pengenalan Merah akan dikeluarkan kepada mereka yang memenuhi syarat-syarat berikut :-

- a) Pemohon merupakan pemegang permit Masuk yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia;
- b) Pemohon lahir di Persekutuan sebelum Hari Merdeka tetapi tiada tuntutan sebagai warganegara;

- c) Rakyat Singapura yang memegang *Re-Entry Permit* atau 'Buku Merah' (iaitu ada tuntutan sebagai Penduduk Tetap Malaysia semasa hari perpisahan Malaysia-Singapura);
- d) Anak angkat salah seorang warganegara atau Penduduk Tetap dan mempunyai sijil anak angkat yang sah; dan
- e) Orang yang dilucutkan taraf warganegara Malaysia dan diberikan taraf Penduduk Tetap.

Adalah dimaklumkan bahawa Pemegang Kad Pengenalan Merah bukanlah menjadi satu kesalahan, oleh itu tiada langkah-langkah untuk mengatasinya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff

TARIKH: 26 NOVEMBER 2008

SOALAN:

Y.B. Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tindakan yang telah dan akan diambil untuk membela dan memelihara kebajikan pekerja-pekerja kilang

- (a) sama ada terdapat peruntukan atau arahan kepada majikan untuk memberikan kontrak kerja yang adil; dan
- (b) sama ada terdapat pemantauan khusus dan kajian tentang jumlah waktu bekerja, tangga gaji dan isu pembuangan kerja pekerja-pekerja kilang dan kesan pemantauan berkenaan.

PR-1213-L16459

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Manusia (KSM) sentiasa memberi perhatian kepada kebajikan pekerja-pekerja di negara ini. Akta Kerja 1955 memperuntukkan bahawa setiap majikan perlu menyediakan kontrak perkhidmatan kepada pekerjanya. Terma atau syarat perkhidmatan dalam kontrak berkenaan hendaklah tidak kurang daripada peruntukan sebagaimana yang dinyatakan dalam Akta berkenaan.

Tuan Yang Di Pertua,

Tangga gaji pekerja pula perlu dinyatakan dalam kontrak perkhidmatan apabila seorang pekerja itu ditawarkan bekerja di sesebuah syarikat. Sekiranya syarikat berkenaan mempunyai Perjanjian Bersama, faedah-faedah dan tangga gaji pekerja adalah tertakluk kepada Perjanjian berkenaan.

Berkenaan dengan jumlah waktu bekerja, tangga gaji dan isu pembuangan pekerja kilang, pemantauan sentiasa dilakukan. Didalam Akta Kerja 1955 telah dinyatakan dengan jelas tentang jumlah waktu kerja yang dibenarkan dan pemantauan khusus berkaitan perkara ini dilakukan melalui **Pemeriksaan Penguatkuasaan**.

Tuan Yang Di Pertua,

Mengenai isu pemberhentian pekerja pula, Akta Kerja 1955 mewajibkan majikan untuk memberi notis kepada Ketua Pengarah Tenaga Kerja sekurang-kurangnya tiga puluh hari (30) sebelum tindakan pemberhentian pekerja dilaksanakan. Ini bertujuan membolehkan Kementerian mengambil tindakan untuk membantu pekerja yang akan diberhentikan.

KSM telahpun menubuhkan Jawatankuasa Pemantauan Pemberhentian Pekerja yang di Pengerusi oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Manusia dan dianggotai oleh Jabatan Kerajaan, wakil majikan dan pekerja. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk mengkaji dan menimbang langkah-langkah yang sesuai dan berkesan untuk menangani masalah pemberhentian pekerja sekiranya berlaku kegawatan ekonomi.

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian telah mengambil daya usaha untuk membantu pekerja yang dihentikan kerja akibat kegawatan ekonomi melalui Skim Latihan Pekerja Yang Dihentikan Kerja mulai 1 November 2004. Melalui skim ini para pekerja yang dihentikan kerja oleh majikan yang diliputi dibawah Akta Pembangunan Sumber Manusia, 2001 boleh mendapat

bantuan kewangan bagi mengikuti latihan semula untuk meningkatkan kemahiran dan memperolehi pengetahuan baru bagi memperluaskan peluang mereka mendapatkan pekerjaan baru. Selain itu skim ini juga bertujuan untuk meningkatkan penawaran pekerja mahir.

NW: 32

SJ.B/(112)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF
(RANTAU PANJANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 26.11.2008 SOALAN NO: 32

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Rantau Panjang) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapakah tidak ada tolak ansur kepada pelanggan Bank Islam yang menggunakan perkhidmatan akaun semasa bila mana cek yang dikeluarkan oleh pelanggan melebihi had simpanan walaupun RM1.00 terus diambil tindakan tanpa dimaklumkan kepada pelanggan lebih awal.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam proses penjelasan cek adalah menjadi kelaziman pihak bank untuk menghubungi pelanggan dan memaklumkan mengenai baki akaun yang tidak mencukupi. Pelanggan diberi peluang untuk mendepositkan wang ke dalam akaun dalam jangka masa yang ditetapkan.

2. Namun begitu, pihak bank tidak mampu menghubungi kesemua pelanggan yang mempunyai masalah sedemikian. Oleh yang demikian,

polisi semasa Bank Islam memberi kuasa kepada Pengurus Cawangan untuk meluluskan pembayaran mana-mana cek yang dikeluarkan walaupun akaun semasa pelanggan tidak mempunyai baki yang mencukupi bagi menampung pengeluaran cek tersebut. Faktor yang diambil kira sebelum meluluskan pembayaran cek tersebut adalah seperti berikut:

- i. pelanggan mempunyai akaun simpanan, pelaburan atau gaji pelanggan dikreditkan ke dalam akaun pelanggan di cawangan;
- ii. rekod pengendalian akaun semasa pelanggan yang memuaskan seperti jarang berlaku insiden cek dikembalikan atau purata baki harian yang tinggi; dan
- iii. kekurangan baki di akaun pelanggan yang disebabkan oleh caj perkhidmatan dan deposit tunai atau pemindahan dana yang tidak dapat dilaksanakan oleh pelanggan kerana masalah teknikal.

3. Di samping itu, Bank Islam juga telah memperkenalkan perkhidmatan perbankan SMS di mana antaranya ialah kemudahan pertanyaan baki, pemindahan dana antara akaun dalam Bank Islam dan status cek yang dijelaskan dalam usaha membantu pelanggan menguruskan pengendalian akaun semasa mereka. Berhubung dengan kes yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, Bank Islam bersedia menjalankan siasatan yang terperinci setelah mendapat maklumat lengkap.